



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*

FAKULTI PENDIDIKAN

Jil.1 No.4 2010

ISSN : 2180-1525

**PROSIDING SEMINAR
PENYELIDIKAN
SISWAZAH
UKM**



KL 25/10
/08
TO
TOHIRIN

PROSIDING SEMINAR
PENYELIDIKAN SISWAZAH UKM
JILID 4, 2010

Diterbitkan oleh

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Diterbitkan oleh
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor

Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah

Prosiding ini diterbitkan empat (4) kali setahun oleh Urus Setia Siswazah, Fakulti Pendidikan, UKM. Ringkasan penyelidikan pelajar-pelajar siswazah (Sarjana dan Doktor Falsafah) di peringkat Usulan, Kemajuan dan Pemantapan yang dibentangkan di Seminar dan Kolokium Siswazah di Fakulti Pendidikan, UKM.

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan diulang cetak mana-mana bahagian artikel/bab/ilustrasi/isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapatkan kebenaran bertulis dari Fakulti Pendidikan, UKM.

Susun Atur Huruf: Zamri Mahamod
Reka Bentuk Kulit: Fakulti Pendidikan, UKM
Huruf: Cambria 10, 11, 12, 14

Urus Setia Siswazah
Profesor Dr. Zuria Mahmud
Pn. Mariam Alias
Pn. Zizah Bakar
En. Mansor Ab. Samad
En. Norasrul Aswar Yahaya

ISBN: 2180-1525

Dicetak oleh:
Urus Setia Siswazah
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor

SIDANG EDITOR

PENASIHAT

Profesor Datin Dr. Siti Rahayah Ariffin

PENGERUSI

Profesor Dr. Zuria Mahmud

EDITOR

Profesor Madya Dr. Zamri Mahamod

Profesor Madya Dr. Ab. Halim Tamuri

Dr. Kamarulzaman Abdul Ghani

Dr. Mohd. Isa Hamzah

Dr. Salleh Amat

Dr. Hamidah Yamat @ Hamat

Pn. Khadijah Abdul Razak

Pn. Nor Sakinah Mohamad

KANDUNGAN

- PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN M-PEMBELAJARAN MENGGUNAKAN SUMBER TERBUKA CLAROLINE (*Development and Evaluation M-Learning Use Open Source Claroline*) 1 - 16
Hasnuddin Ab. Rahman, Jamaludin Badusah & Norazah Mohd Nordin
- STRATEGI PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM PELAJAR JABATAN PENDIDIKAN ISLAM (*Learning Strategies on Students Islamic Education of Islamic Education Department*) 17 - 25
Idris Harun, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff & Zamri Mahamod
- TAHAP PERMUAFAKATAN SEKOLAH, IBU BAPA DAN KOMUNITI DALAM MEMBANTU MENINGKATKAN PENGUASAAN 3M PELAJAR BERMASALAH PEMBELAJARAN (*School, Parents and Community Collaboration in Enhancing Mastery in 3M among Students with Learning Difficulty*) 26 - 35
Gulson Begum Khalid & Mohd. Hanafi Mohd. Yasin
- AMALAN PENERAPAN NILAI MURNI DALAM PENGAJARAN TILAWAH AL-QURAN SEKOLAH RENDAH (*Classroom Practice in Inculcating Noble Values in Teaching Tilawah Al-Quran at Primary School*) 36 - 45
Nabiroh Kassim, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff & Mohd. Aderi Che Noh
- CIRI-CIRI, TAHAP PEMIKIRAN SAINS KEUSAHAWANAN DAN KESEDIAAN INTEGRASI PEMIKIRAN SAINS KEUSAHAWANAN DALAM PROSES PENGAJARAN GURU-GURU SAINS DI MRSM (*Entrepreneurial Characteristics, Level of Entrepreneurial Science Thinking and the Readiness of Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Teachers to Integrate the Entrepreneurial Science Thinking in Their Teaching*) 46 - 57
Zulfaka Ishak, Nor Aishah Buang & Lilia Halim
- THE METHODS USED IN TEACHING EFL READING AT RIAU UNIVERSITIES (Kaedah Pengajaran Kemahiran Memebaca dalam Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing di Universiti-Universiti Riau) 58 - 68
Novitri & Nooreiny Maarof
- PEMBANGUNAN PAKEJ PEMBELAJARAN MOBILE KOMPONEN KESUSASTERAAN DALAM BAHASA INGGERIS TINGKATAN EMPAT (*Development of Mobile Learning Package for Form Four Literature Component in English*) 69 - 78
Rashidah Rahamat, Parilah Mohd. Shah & Sharifah Nor Puteh

- KEBERKESANAN M - PEMBELAJARAN DALAM PEMBELAJARAN TATABAHASA BAHASA MELAYU PRAUNIVERSITI (*The Effectiveness of M-Learning Application Towards the Students' Achievement in Malay Language Grammar at Pre-University Level*) 79 - 95
 Faurose Shamsudin, Jamaludin Badusah & Mohamed Amin Embi
- KESAN PENDEKATAN PENDIDIKAN MATEMATIK REALISTIK TERHADAP KEPERCAYAAN MATEMATIK, PERWAKILAN MATEMATIK DAN KEMAHIRAN PENYELESAIAN MASALAH MATEMATIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI PROVINSI RIAU INDONESIA (*The Impact of Realistic Mathematic Education Approach Towards Mathematical Beliefs, Mathematical Representation and Mathematical Problem Solving Skill among Secondary School Students in Riau Province Indonesia*) 96 - 105
 Putri Yuanita & Effandi Zakaria
- TAHAP KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SEKS 106 - 112
 Siti Suhaila Ihwani, Ab. Halim Tamuri & Mohd. Isa Hamzah
- PENGARUH IKLIM ORGANISASI, LATIHAN KERJA, DAN INSENTIF TERHADAP MOTIVASI SERTA PRESTASI KERJA LULUSAN SMK DI SYARIKAT AWAM (BUMN) DI SUMATERA BARAT (*The Influence of Company Organization Climate, Job Training and Incentives Towards Motivation and Performance of SMK Graduates Working in Public Companies (BUM) in West Sumatera*) 113 - 119
 Ganefri, Ramlee Mustapha, Ruhizan Mohamad Yasin & Nor Aisyah Buang
- ✓ PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING UNTUK REMAJA KOMUNITI ADAT TERPENCIL SUKU SAKAI KAWASAN KABUPATEN BENGKALIS RIAU (*Guidance and Counseling Services for Youth in the KAT Suku Sakai Bengkalis Riau Indonesia*) 120 - 132
 Tohirin, Noriah Mohd. Ishak & Salleh Amat
- KEBERKESANAN PROGRAM PENDIDIKAN GURU EKONOMI PRA-PERKHIDMATAN, FAKULTI PENDIDIKAN EKONOMI, UNIVERSITI SYIAH KUALA BANDA ACEH: SATU KAJIAN KES (*The Effectiveness of Preservice Economy Techer Training Programme, Faculty of Economy Universiti Syiah Kuala Banda Aceh: A Case Study*) 133 - 152
 Puji Aryani & Muhammad Hussin
- PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN PERISIAN MULTI MEDIA BERTAJUK "GERAK DAN ANALISIS VEKTOR" BAGI MATA PEMBELAJARAN FIZIK DI SEKOLAH MENENGAH ATAS (SMA) PEKANBARU, RIAU (*Development and Evaluation of Effectiveness of Multimedia Software Entitled 'Movement and Vector Analysis' for Physic*) 153 - 161

Subject in Sekolah Menengah Atas (SMA) Pekanbaru, Riau
Muhammad Nasir, Mohd. Arif, Ismail & Mohammed Amin Embi

- KEPRIHATINAN GURU SEKOLAH MENENGAH TERHADAP PELAKSANAAN PERUBAHAN KURIKULUM (*Secondary School Teachers' Concerns Towards the Implementation of Changes in Curriculum*) 162 - 190
Nor Adibah Ghazalli, T. Subahan Mohd. Meerah & Mohammed Sani Ibrahim
- KESEDIAAN GURU PENYELARAS MEDIA DALAM PENERIMAAN INOVASI EDUWEBTV (*Media Teachers' Readiness in Accepting EDUWEBTV Innovation*) 191 - 212
Noraini Mohamed Noh, Mohd. Arif Ismail & Jamil Ahmad
- PELAKSANAAN PENILAIAN BERASASKAN KELAS DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH PERTAMA NEGERI (SMPN) DI PROVINSI RIAU: SATU PENILAIAN (*The Implementation of Classroom-Based Assessment (CBA) Among English Teachers in Sekolah Menengah Pertama Negeri (SMPN) in Riau Province, Indonesia: An Evaluation*) 213 - 221
Fadly Azhar, Ruhizan Mohamad Yasin & Jamil Ahmad
- TAHAP KOMPETENSI PERIBADI DAN KEMAHIRAN MENILAI KUALITI PENGURUSAN SEKOLAH DALAM KALANGAN JEMAAH NAZIR DAN JAMINAN KUALITI (*Self-Confidence and Quality School Management Skills among School Inspectors in School Inspectorate and Quality Assurance*) 222 - 238
Mohd. Idrus Kadir, Mohammed Sani Ibrahim & Jamil Ahmad
- KESAN INTERVENSI KELOMPOK KE ATAS KONSEP KENDIRI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH (*The Effects of Group Intervension on Secondary School Students' Self-Concept*) 239 - 250
Chua Lay Nee, Zuria Mahmud & Noriah Mohd. Ishak
- PENGETAHUAN PEDAGOGIKAL ISI KANDUNGAN GURU (PPIK) DAN KEFAHAMAN KONSEPTUAL PELAJAR DALAM TOPIK RESPIRASI (*Teachers' Pedagogical Content Knowledge (PPIK) and Students' Conceptual Understanding for Topic of Respiration*) 251 - 260
Rosnidar Mansor, Lilia Halim & Kamisah Osman
- MOTIVASI KERJA, LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DAN KOMPETENSI PROFESIONAL SERTA HUBUNGANNYA TERHADAP PRESTASI KERJA GURU PEKAN BARU PROVINSI RIAU, INDONESIA (*Work Motivation, In-Service Training and Professional Competencies, and Their Relationship with Teachers' Working Performance of Pekanbaru, Riau, Indonesia*) 261 - 282
M. Nur Mustafa & Norasmah Othman

- EFFECTIVENESS OF A SUGGESTED MODULE OF CLASSROOM AND NON-CLASSROOM ENVIRONMENTAL ACTIVITIES IN THE DEVELOPMENT OF STUDENTS' SKILLS AND ENVIRONMENTAL VALUES IN SAUDI ARABIA (Keberkesanan Aktiviti Dalam dan Luar Bilik Darjah dalam Memperkembangkan Nilai dan Kemahiran Alam Sekitar dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Arab Saudi) 283 - 299
Hazaa Abdulkarem Alfowehi, Kamisah Osman & T. Subahan Mohd. Meerah
- KOMPETENSI MELAKSANAKAN PENGAJARAN AMALI DALAM KALANGAN GURU KIMIA (SMA) PROPINSI RIAU (*The Effective Chemistry Practical Work among Chemistry Teachers (SMA) in Riau Province*) 300 - 313
Jimmi Copriady, T. Subahan Mohd. Meerah & Mohd. Arif Ismail
- AMALAN MEMBACA DAN PENGGUNAAN BUKU KANAK-KANAK PRASEKOLAH DALAM PERSPEKTIF RAKAN SEBAYA (*Practice Books and Reading to Preschool Children in The Perspective of Peers*) 314 - 327
Saayah Abu, Rohaty Mohd. Majzub & Nor Aishah Buang
- LATIHAN PROFESIONAL DAN HUBUNGANNYA DENGAN PERSONALITI DAN KEMAHIRAN PENGETUA DAN GURU BESAR NOVIS DI MALAYSIA 328 - 343
Shariffah Sebran Jamila Syed Imam & Mohammed Sani Ibrahim

PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING UNTUK REMAJA KOMUNITI ADAT TERPENCIL (KAT) SUKU SAKAI KAWASAN KABUPATEN BENGKALIS RIAU
(Guidance and Counselling Services for Youth in the KAT Suku Sakai Bengkalis Riau Indonesia)

TOHIRIN
NORIAH MOHD. ISHAK
SALLEH AMAT

ABSTRAK

KEMAJUAN: Kajian ini bertujuan meninjau status perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai dalam kawasan Kabupaten Bengkalis Riau Indonesia. Melalui pendekatan studi kes, kajian ini mengambil sampel tujuh orang guru bimbingan dan 17 orang remaja KAT suku Sakai. Aspek-aspek yang dikaji dalam kajian ini adalah profil atau latar belakang remaja suku Sakai, kesedarannya menerima perkhidmatan, isu-isu semasa dan keperluan bimbingannya, matlamat perkhidmatan, bidang-bidang dan jenis-jenis perkhidmatan, program perkhidmatan, pendekatan dan strategi perkhidmatan, kekerapan perkhidmatan, profil dan kualifikasi guru bimbingan (latar belakang, kemahiran dan kedudukannya), perancangan dan kepengerusan serta cabaran-cabaran perkhidmatan. Data kualitatif diperoleh melalui pemerhatian tidak turut serta, temu bual dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa: pertama, remaja KAT suku Sakai baik asli mahupun campuran berasal daripada persekitaran keluarga kurang menjaga kebersihan dan kesihatan, tingkat ekonomi rendah, tidak pernah sekolah, belum mengamalkan syariat Islam dengan benar dan berpegang teguh pada adat. Kedua, kesedaran mereka untuk menerima perkhidmatan juga rendah. Ketiga, isu-isu atau masalah yang wujud pada mereka sehingga memerlukan perkhidmatan adalah: malas belajar, minat dan motivasi belajar rendah, pencapaian akademik rendah, malas membuat tugas sekolah, disiplin rendah, susah belajar matematik, Bahasa Inggeris, Pendidikan Pancasila dan Kewarganegaraan (PPKn), mengugut rakan dan guru, bergaduh, merosak sekolah, merokok, ragu kerjaya pada masa hadapan dan tidak mempunyai maklumat yang baik tentang kerjaya. Keempat, matlamat perkhidmatan lebih ditumpukan kepada membina disiplin dan perilaku remaja sehingga masalah akademik dan kerjaya sedikit terabai. Kelima, perkhidmatan lebih ditumpukan kepada bimbingan kelompok, sedangkan kaunseling individual dan kerjaya sedikit terabai. Keenam, program perkhidmatan bersifat umum dan belum disesuaikan dengan keperluan remaja suku Sakai secara khusus. Ketujuh, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap remaja KAT suku Sakai dilakukan dengan cara memberikan arahan-arahan dan nasihat serta maklumat secara klasikal tentang pelbagai hal seperti disiplin, cara belajar, pergaulan remaja, pemecahan masalah, perkembangan sains dan teknologi dan hal-hal lain yang berkenaan dengan kehidupan sehari-hari. Kedelapan, strategi perkhidmatan yang digunakan adalah tidak formal. Kesembilan, semua guru

bimbingan perempuan dan hanya satu yang mempunyai kepakaran bimbingan dan kaunseling. Kesepuluh, pihak sekolah menempatkan guru bimbingan sama dengan guru-guru lainnya dan memberi tugas yang pelbagai iaitu selain sebagai guru bimbingan juga mengajar subjek pelajaran tertentu. Kesebelas, pengetua sekolah dan guru-guru lain memberi sokongan moral yang baik terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja suku Sakai. Keduabelas, latar belakang pendidikan guru bimbingan yang tidak menyokong kemahirannya, ketiadaan anggaran keuangan, tugas guru bimbingan yang pelbagai, rendahnya kesedaran remaja untuk menerima perkhidmatan, kurangnya maklumat tentang kaunseling, ketiadaan bilik kaunseling yang memadai, menjadi cabaran dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai. Ketigabelas, implikasi terhadap teori adalah wujud seperti teori bimbingan kelompok dalam pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap remaja KAT suku Sakai. Oleh itu, dapatan kajian ini wajar dimanfaatkan oleh pengkaji lain untuk mendalami aspek lain berkenaan dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling unuk remaja KAT suku Sakai.

ABSTRACT

PROGRESS: This study aims to review the status of guidance and counseling services for youth in the KAT Sakai tribe in Kabupaten Bengkalis Riau Indonesia area. Through a case study approach, this study took a sample of seven guidance teachers and 17 KAT Sakai tribe youths. The aspects examined in this study were the profile or ethnic background of the Sakai tribe youths, their awareness on receiving services, current issues and their needs for guidance, services goals, types and areas of services, services programmes, services approach and strategy, frequency of services, profile and qualifications of guidance teachers (background, skills and position), and management planning and their challenges. The qualitative data was obtained through non-participant observations, interviews and document analysis. Research findings show that; first, the aborigines Sakai and mixed-Sakai youths came from families that are not conscious of health and cleanliness. Second, their awareness to receive services was low. Third, issues or problems that exist among them that requires services were due to their: laziness to study, lack of interest and motivation to study, low academic achievement, lazy to do school assignments, lack of discipline, difficulties in learning Mathematics, English and Civics, threatening friends and teacher, fighting, vandalism smoking, uncertain of future career and lack of information on career. Fourth, the aims of services are focused on developing the youths' discipline and behavior while academic and career matters are neglected. Fifth, the service is more focused on group guidance while individual and group counseling are carried out only when cases arise (using the crisis approach). Sixth, services programmes are general and not specifically planned for the Sakai youths. Seventh, the guidance and counseling services are provided through instructions and advice and classical information on various issues such as discipline, learning style, social interactions, problem solving, development of science and technology, and other daily life activities. Eighth, service strategy used was informal. Ninth, all the guidance teachers were women and only one had the expertise

on guidance and counseling, Tenth, the school administrative gave the guidance and counseling teacher similar to the other subject teachers. Eleventh, school principals and teachers provide moral support to the Sakai youth guidance and counseling programme. Twelfth, guidance teachers' educational background that lack of counseling skills, finance allocation, various work load, lack of youth awareness on seeking services, lack of information on counseling, insufficient counseling rooms, and become challenges in providing guidance and counseling for the Sakai youth. Thirteenth, the theoretical implication of this study is the existence of a theories such as Group Guidance in the implementation of guidance and counseling services towards KAT youth tribe. Thus, the findings of this study should be acknowledged and benefitted by other researchers to study other areas of guidance and counseling for KAT youth of Sakai tribe.

PENGENALAN

Kajian ini berkenaan dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja Komuniti Adat Tertencil (KAT) suku Sakai kawasan Kabupaten Bengkalis Riau. Perkara-perkara yang dibincangkan berkenaan dengan tajuk dan persoalan kajian dalam bahagian ini adalah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang mencakupi: konsep bimbingan dan kaunseling, jenis-jenis kaunseling, kaunseling individu, kaunseling kelompok, kepentingan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah, matlamat perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, peranan guru pembimbing, ciri-ciri guru pembimbing, pendekatan bimbingan dan kaunseling dan kaunseling bagi remaja.

Banyak konsep bimbingan dan kaunseling telah dikemukakan oleh para pakar. Antara konsep itu dikemukakan oleh Rohany Nasir (2008) bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merupakan suatu bantuan yang diberikan kepada individu untuk menghadapi dan menyelesaikan masalahnya atau untuk membuat keputusan. Menurut George & Corsini (1990), perkhidmatan kaunseling merupakan perhubungan yang profesional antara kaunselor terlatih dengan klien bertujuan untuk membantu klien tersebut memahami dan belajar mencapai matlamat yang mereka tentukan sendiri.

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah boleh dijalankan melalui dua jenis kaunseling iaitu kaunseling individual dan kaunseling kelompok. Kaunseling individu dikenali juga dengan kaunseling bersemuka yang merupakan jenis perkhidmatan yang lebih ditekankan kepada perubahan tingkah laku dan menanamkan ke dalam diri seseorang itu nilai-nilai murni yang positif. Sementara kaunseling kelompok merupakan suatu perhubungan antara dua orang atau lebih bertujuan untuk mencapai matlamat demi kebaikan bersama (Gladding 1999).

Fokus kajian ini adalah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah boleh membantu para pelajar mencapai matlamat yang diinginkan, membantu pelajar untuk meningkatkan prestasi pembelajaran dan mengembangkan potensi yang ada pada dirinya agar dia boleh menghasilkan perubahan positif dalam dirinya sendiri. Selain itu matlamat perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah:

menyediakan perubahan tingkah laku, membantu membuat keputusan, membentuk kemahiran daya tindak, mempercepatkan seseorang menjadi rasional, memperbaiki hubungan, memahami dan mengelola kecemasan.

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah berkenaan dengan peranan guru pembimbing. Antara peranan guru pembimbing di sekolah adalah: 1) menunaikan peranan sebagai pemimpin dalam mengelola dan membina program bimbingan dan kaunseling yang komprehensif. 2) Menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling individu dan kelompok kepada pelajar. 3) Melatih dan menyelaras kaunseling individu dan kelompok kepada pelajar. 4) Berunding dengan ibu bapa, guru dan pentadbir sekolah tentang penglibatan bimbingan dan kaunseling bagi pelajar. 5) memimpin pelajar semasa mengendalikan program antara guru dan guru pembimbing. Untuk boleh menjalankan peranan secara baik, guru pembimbing mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga ciri-ciri iaitu: ketulian, penerimaan tanpa syarat dan pemahaman empatik Rogers (1967).

Supaya perkhidmatan bimbingan dan kaunseling memperolehi kejayaan, mestilah dilaksanakan mengikut pendekatan-pendekatan tertentu. Antara pendekatan itu adalah pendekatan krisis, pendekatan remedial, pendekatan preventif, dan pendekatan perkembangan. Sasaran perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam kajian ini adalah pelajar-pelajar (remaja) KAT suku Sakai. Dalam peringkat usia remaja, pelajar juga menginginkan perasaan mereka difahami dan pandangan serta pendapat mereka diterima (Mizan Adiliah 1992). Usaha memahami perasaan remaja dan membantu memecahkan masalah mereka boleh diwujudkan melalui perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

LATAR BELAKANG MASALAH

Semua orang baik secara perseorangan mahupun kelompok terdedah dengan masalah. Kanak-kanak, remaja, dan orang dewasa semua terdedah dengan masalah. Remaja KAT suku Sakai juga terdedah dengan masalah. Umur remaja dikenal sebagai umur yang banyak cabaran. Selain itu, remaja juga berada dalam suasana kehidupan batin yang selalu mengalami kebimbangan (Sarlito 2003). Menurut Shertzer & Stone (1992) bahawa zaman remaja adalah zaman yang penuh dengan cabaran, dugaan, suka dan duka.

Stenberg (1993) dan Stenberg & Belsky (1991) mengemukakan teori pergolakan dan tekanan menyatakan bahawa masa remaja adalah satu peringkat pertikaian emosi yang tidak dapat dielakkan. Menurut Amla Salleh et al (2006) kanak-kanak yang sedang meningkat remaja melalui satu zaman yang amat merisaukan orang dewasa. Konflik ini penting ditangani dengan caran yang sihat, supaya remaja dapat membina kekuatan yang sangat diperlukan di alam dewasa. Salah satu usaha untuk menangani konflik dalam diri remaja ialah melalui perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sudah sangat digalakkan di sekolah-sekolah di Indonesia, khususnya dalam kawasan Kabupaten Bengkalis. Dinas Pendidikan Kabupaten Bengkalis pun telah menggalakkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah, apatah lagi sekolah-sekolah di mana

remaja KAT suku Sakai melakukan pengajian. Memandangkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai merupakan perkhidmatan untuk komuniti khusus, maka perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah yang memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada KAT suku Sakai perlu diberi tumpuan.

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling penting untuk melahirkan pelajar-pelajar yang bermotivasi tinggi, matang dan lebih mengenali diri sendiri. Dalam peringkat usia remaja misalnya, pelajar juga menginginkan perasaan mereka difahami dan pandangan mereka diterima (Mizan Adillah 1992). Remaja memerlukan bimbingan kerana mereka sedang dalam proses perkembangan dan banyaknya masalah pada diri mereka. Konflik dan pelbagai persoalan lainnya dalam diri remaja, penting ditangani dengan cara yang sihat, supaya remaja dapat membina kekuatan yang sangat diperlukan di alam dewasa (Amla Salleh et al 2006).

Kajian-kajian mengenai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan subjek remaja KAT suku Sakai atau kaunseling untuk remaja komuniti khusus belum wujud dan belum pernah dijalankan sebelumnya. Oleh yang demikian, kajian ini perlu dijalankan untuk meninjau dan mengenal pasti status perkhidmatan bimbingan dan kaunseling diperingkat sekolah menengah untuk remaja KAT suku Sakai serta permasalahan yang wujud.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini merujuk kepada teori perlunya bimbingan dan kaunseling bagi remaja dan kaunseling di sekolah. Berkenaan dengan perlunya perkhidmatan bimbingan dan kaunseling bagi remaja, asumsi pokok yang dikemukakan ialah bahawa remaja memerlukan bimbingan dan kaunseling. Remaja memerlukan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling oleh kerana remaja sedang dalam proses perkembangan menuju dewasa dan banyaknya isu atau masalah dalam diri mereka.

Menurut Oemar Hamalik (1992) keperluan bimbingan dan kaunseling bagi pelajar di sekolah disebabkan oleh perkembangan sains dan teknologi yang mempengaruhi perkembangan masyarakat secara keseluruhan. Bimbingan dan kaunseling merupakan bahagian daripada proses pendidikan dan memberikan sumbangan positif bagi kejayaan proses pendidikan di sekolah. Menurut Juntika (2005) Proses pendidikan dan pembelajaran di sekolah tidak akan memperolehi kejayaan yang maksimum jika tidak disokong oleh perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau status perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai dalam kawasan Kabupaten Bengkalis Riau, khususnya remaja yang bersekolah di Sekolah Menengah daripada beberapa aspek:

1. Profil atau latar belakang remaja KAT suku Sakai yang menerima perkhidmatan bimbingan dan kaunseling?

2. Kesedaran mereka menerima perkhidmatan bimbingan dan kaunseling?
3. Keperluan mereka terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling?
4. Isu-isu semasa yang mereka hadapi sehingga memerlukan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling?
5. Matlamat, bidang-bidang, pendekatan yang digunakan, jenis-jenis perkhidmatan yang ditawarkan, program perkhidmatan yang ditawarkan, strategi yang digunakan, dan kekerapan pemberian perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?
6. Profil atau latar belakang guru bimbingan yang memberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?
7. Ciri-ciri guru bimbingan yang memberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?
8. Kemahiran guru bimbingan memberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?
9. Pengurusan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?
10. Sistem penyimpanan rekod perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?
11. Sokongan daripada pelbagai pihak terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?
12. Kedudukan guru bimbingan dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?
13. Cabaran-cabaran yang wujud dalam pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?

KEPENTINGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini diharapkan boleh membantu pemerintah (kerajaan) Indonesia khususnya Kabupaten Bengkalis, Asosiasi Bimbingan dan Konseling Indonesia (ABKIN), Dinas Sosial Kabupaten Bengkalis, Unit Pelaksana Teknis Pembinaan (UPTK) KAT di Riau serta guru-guru pembimbing di sekolah, bagi mengenal pasti perkembangan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai.

Pelbagai aspek yang dikaji seperti telah dibincangkan dalam persoalan kajian, penting diketahui oleh pelbagai pihak yang terkait dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling bukan sahaja untuk memastikan kualiti proses bimbingan dan kaunseling, tetapi juga keseimbangan atau keberlanjutan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap mereka yang berkembang dan banyak cabaran. Secara khusus kajian ini dapat memberi manfaat dan sumbangan kepada beberapa pihak seperti:

1. Membantu guru bimbingan supaya lebih memahami peranan mereka dan boleh membuat penilaian sama ada mereka telah melaksanakan tugas secara efektif atau sebaliknya.
2. Maklum balas daripada remaja KAT suku Sakai diharapkan dapat dijadikan maklumat yang boleh membantu guru bimbingan dalam merancang dan

- melaksanakan program-program serta menyusun skenario perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang lebih sistematis serta memenuhi kehendak remaja KAT suku Sakai untuk mewujudkan mereka yang lebih cemerlang, bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi apa jua bidang yang diceburi.
3. Maklumat yang diperolehi daripada guru bimbingan, boleh dijadikan garis panduan untuk meningkatkan lagi kualiti program perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai.
 4. Membuka jalan untuk pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian yang lebih terperinci dalam bidang yang sama terhadap KAT lainnya yang ada di Riau.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa batasan seperti berikut:

1. Hanya terhad kepada para pelajar atau remaja KAT suku Sakai yang sedang melakukan pengajian di SMP dan SMA.
2. Hanya terhad kepada guru bimbingan (kaunselor sekolah) di sekolah menengah seperti disebut di atas di mana pelajar atau remaja KAT suku Sakai melakukan pengajian.
3. Hanya meninjau aspek-aspek seperti: latar belakang remaja suku Sakai, kesedaran mereka menerima perkhidmatan, isu-isu semasa yang memerlukan perkhidmatan, matlamat, bidang-bidang dan jenis-jenis perkhidmatan, pendekatan dan strategi program perkhidmatan, kekerapan perkhidmatan, sistem penyimpanan rekod, pengurusan perkhidmatan, kualifikasi guru bimbingan (latar belakang, kemahiran kedudukan dan ciri-ciri) serta cabaran-cabaran perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai.
4. Kaedah pengumpulan data kajian ini melalui temu bual, pemerhatian tidak turut serta dan analisis dokumen, sehingga soal selidik tidak digunakan oleh kerana kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan pendekatan studi kes.

SOALAN KAJIAN

Masalah kajian ini boleh dibuat dalam soalan kajian sebagai berikut:

1. Bagaimana profil atau latar belakang remaja KAT suku Sakai yang menerima perkhidmatan bimbingan dan kaunseling?
2. Bagaimana kesedaran mereka menerima perkhidmatan bimbingan dan kaunseling?
3. Bagaimana keperluan mereka terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling?
4. Apa isu-isu semasa yang mereka hadapi sehingga memerlukan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling?
5. Apa matlamat, bidang-bidang, pendekatan yang digunakan, jenis-jenis perkhidmatan yang ditawarkan, program perkhidmatan yang ditawarkan,

- strategi yang digunakan, dan kekerapan pemberian perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?
6. Bagaimana profil atau latar belakang guru bimbingan yang memberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?
 7. Bagaimana pula ciri-ciri guru bimbingan yang memberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?
 8. Bagaimana kemahiran guru bimbingan memberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?
 9. Bagaimana pengurusan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?
 10. Bagaimana sistem penyimpanan rekod perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?
 11. Bagaimana sokongan daripada pelbagai pihak terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?
 12. Bagaimana kedudukan guru bimbingan dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?
 13. Apa cabaran-cabaran yang wujud dalam pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai?

METODOLOGI

Pendekatan dan Reka Bentuk Kajian

Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan pendekatan studi kes. Kes kajian ini adalah fenomena perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai kawasan Kabupaten Bengkalis Riau dari beberapa aspek yang telah dibincangkan di atas. Melalui studi kes, memberi kemungkinan kepada pengkaji untuk melakukan penerokaan mendalam dan spesifik mengenai kejadian dan fenomena perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai kawasan Kabupaten Bengkalis Riau. Ini akan menjadi analisis yang holistik terhadap kes yang dikaji.

Prosedur Kajian

Adapun prosedur kajian ini adalah sebagai berikut:

1. Meminta surat akuan kajian daripada Fakulti Pendidikan UKM Bangi Malaysia.
2. Meminta surat kebenaran membuat kajian daripada Badan Komunikasi dan Kesatuan Bangsa (BKKB) Propinsi Riau dan Kabupaten Bengkalis, Unit Pelaksana Teknis Dinas Pendidikan (UPTDP) Kecamatan Mandau dan Pinggir Kabupaten Bengkalis Propinsi Riau, dan pihak pengetua sekolah yang menjadi tumpuan kajian.

Berdasar surat-surat daripada pihak yang telah disebut di atas, pengkaji datang ke sekolah-sekolah di mana remaja KAT suku Sakai melakukan pengajian. Untuk memperoleh data yang lebih holistik pengkaji juga melakukan temu bual dengan bekas pembina suku Sakai, sehingga gambaran mengenai mereka dan

remajanya boleh didapati secara menyeluruh. Pengkaji mengambil masa enam bulan untuk mengambil semua data yang berkenaan dengan kajian ini.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian ini adalah Sekolah Menengah Pertama (SMP) dan Sekolah Menengah Atas (SMA) Kabupaten Bengkalis Riau. Oleh kerana sekolah-sekolah di mana remaja KAT suku Sakai lebih banyak di kawasan Kecamatan Pinggir dan Mandau, maka lokasi kajian ini difokuskan pada kecamatan tersebut yang meliputi: SMP Negeri 1 Pinggir, SMP Negeri 5 Mandau, SMA Negeri 1 Pinggir dan SMA Negeri 2 Pinggir. SMP dan SMA lain tidak dijadikan lokasi kajian, oleh kerana tiada remaja KAT suku Sakai yang melakukan pengajian pada yang berkenaan.

Sampel Kajian

Pada SMP dan SMA yang telah disebut di atas, didapati seramai 205 orang remaja KAT suku Sakai. Oleh kerana kajian ini menggunakan pendekatan kes, maka pengkaji mengambil sampel secara purposif. Sampel kajian diambil hanya 24 orang sahaja, dengan perincian: tujuh orang guru bimbingan dan 17 orang remaja suku Sakai.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menjadi instrument kunci dalam pengumpulan data di lapangan dengan menyiapkan protokol pemerhatian dan protokol temu bual serta instrument lainnya yang berhubung kait dengan kajian ini seperti kamera dan tape recorder.

Responden Kajian

Ada dua kategori responden dalam kajian ini iaitu responden utama dan responden tambahan. Responden utama dalam penyelidikan ini adalah guru bimbingan dan remaja KAT suku Sakai, sedangkan responden tambahannya adalah guru-guru lain, mantan pembina suku Sakai dan ibu bapa.

Teknik Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan teknik pengumpulan data utama iaitu pemerhatian tidak turut serta dan temu bual. Pemerhatian dijalankan terhadap semua aktiviti remaja KAT suku Sakai di persekian sekolah dan pada masa mereka mengikuti perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Temu bual dijalankan dengan guru-guru bimbingan, remaja KAT suku Sakai, guru-guru lain dan bekas pembina KAT suku Sakai untuk mengetahui hal ehwal yang berkenaan dengan persoalan kajian ini.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Data

Data yang telah terkumpul dalam kajian ini telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan. Triangulasi digunakan untuk menentukan kesahan dan sumber dilakukan dengan membandingkan dan meninjau kembali data dan dapatan pemerhatian dengan hasil temu bual. 2) Triangulasi dengan kaedah dilakukan dengan membandingkan data dan meninjau kembali maklumat daripada

pemerhatian dan temu bual. 3) Triangulasi dengan teori dilakukan dengan membandingkan data dapatan pemerhatian dan temubual dengan teori-teori yang terkait. Analisis Indeks Cohen Kappa (AIKK) juga digunakan bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan data kajian ini.

Analisis Data

Kajian ini menggunakan teknik analisis deskriptif kualitatif untuk memperoleh gambaran secara menyeluruh status perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai. Menurut Daymon & Holloway (2002) analisis induktif-deduktif juga boleh digunakan dalam kajian kes. Oleh kerana itu, kajian ini juga menggunakan analisis induktif-deduktif. Selain menggunakan analisis di atas, kajian ini juga menggunakan analisis perisian NVivo 8.

DAPATAN KAJIAN

Seperti mana rumusan kajian yang telah dibincangkan di atas, dapatan kajian ini adalah sebagai berikut:

1. Daripada profil atau latar belakang remaja KAT suku Sakai, temuan kajian ini adalah: a) remaja KAT suku Sakai dalam kawasan Bengkalis Riau berasal daripada keluarga atau ibu bapa yang telah menjalankan perkahwinan campur antara suku Sakai asli dengan suku Melayu, Jawa dan Minang, sehingga menimbulkan remaja suku Sakai asli dan campuran. Isu-isu semasa yang wujud pada suku Sakai asli lebih kompleks daripada remaja suku Sakai campuran. Pelbagai isu yang wujud pada remaja suku Sakai adalah impak daripada persekitaran masyarakat dan keluarga mereka. b) Mereka juga berasal daripada persekitaran keluarga yang kurang menjaga kebersihan, sehingga persekitarannya kotor. c) Remaja KAT suku Sakai pun berasal daripada persekitaran ibu bapa yang mempunyai taraf ekonomi rendah (miskin). d) Mereka juga berasal daripada persekitaran keluarga di mana ibu bapanya kebanyakannya tidak pernah sekolah sehingga mereka tidak boleh membaca dan menulis. e) Remaja KAT suku Sakai juga berasal dari persekitaran keluarga yang ibu bapa mereka belum mengamalkan syariat Islam secara benar dan baik. f) Tidak menjaga kesihatan, sehingga mudah kena jangkitan penyakit. g) Menjunjung tinggi sistem nilai yang dibuat manusia daripada yang berasal dari pada Tuhan. h) Memegang teguh adat dan tradisi sehingga susah menerima perubahan.
2. Daripada keperluan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, sebenarnya remaja KAT suku Sakai lebih memerlukan daripada remaja-remaja lainnya, kerana mereka mempunyai banyak masalah.
3. Walaupun banyak masalah wujud pada remaja suku Sakai, namun kesedaran mereka untuk menerima bimbingan dan kaunseling.
4. Antara isu semasa yang wujud pada remaja suku Sakai adalah: malas belajar, minat dan motivasi belajar rendah, malas membuat tugas rumah, disiplin belajar rendah, pencapaian akademik rendah, susah belajar matematik,

- bahasa Inggeris, Pendidikan Pancasila dan Kewarganegaraan (PPKn) dan Bahasa Indonesia, mengugut rakan dan guru, merosak sekolah, bergaduh, merokok, ragu kerjaya masa hadapan dan tidak mempunyai maklumat kerjaya yang baik.
5. Matlamat perkhidmatan bimbingan dan kaunseling lebih ditumpukan kepada membina disiplin dan perilaku remaja, sehingga masalah akademik dan kerjaya sedikit terabalkan.
 6. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling lebih ditumpukan kepada bimbingan kelompok, sedangkan kaunseling individu dan kelompok hanya dijalankan apabila wujud dan berlaku kes-kes tertentu pada siswa (menggunakan pendekatan krisis).
 7. Program perkhidmatan masih bersifat umum dan belum disesuaikan secara lebih spesifik dengan keperluan remaja suku Sakai. Program perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah juga untuk pelajar-pelajar selain suku Sakai. Program yang ditawarkan lebih ditumpukan kepada program bimbingan kelompok dalam bilik kelas. Program kaunseling perseorangan jalan dijalankan.
 8. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja suku Sakai dijalankan dengan cara memberikan arahan dan nasihat serta maklumat tentang pelbagai hal seperti disiplin, cara belajar, pergaulan remaja, cara pemecahan masalah, perkembangan sains dan teknologi dan lain-lain yang berkenaan dengan kehidupan sehari-hari.
 9. Rekod pelajar bersifat umum, kerana belum wujud rekod pelajar yang khusus untuk perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Rekod pelajar masih disimpan dalam buku khusus perkhidmatan bimbingan dan konseling. Komputer juga belum digunakan untuk penyimpanan rekod pelajar. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai menggunakan strategi tidak rasmi dan lebih selalu menggunakan strategi jemput bola.
 10. Semua guru bimbingan yang memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah perempuan serta masih mempunyai pengalaman yang minimum sebagai guru bimbingan. Selain itu, pendidikan mereka juga kebanyakannya tidak menyokong kemahirannya sebagai guru bimbingan.
 11. Pihak sekolah menempatkan guru bimbingan sama dengan guru-guru yang lain dan memberikan tugas yang pelbagai iaitu di samping sebagai guru bimbingan juga mengajar subjek pelajaran tertentu.
 12. Pengetua sekolah dan guru-guru lain semuanya memberikan sokongan baik moril mahupun kenyataan serta galakan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai. Pengetua sekolah memberi kemudahan kepada guru bimbingan untuk menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Guru-guru lain memberikan kebenaran kepada pelajar-pelajar untuk menjalani perkhidmatan.
 13. Latar belakang pendidikan guru bimbingan yang tidak menyokong kemahirannya, ketiadaan anggaran keuangan, tugas guru bimbingan yang pelbagai, rendahnya kesedaran remaja untuk menerima perkhidmatan,

kurangnya maklumat tentang kaunseling, ketiadaan bilik kaunseling menjadi cabaran perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk remaja KAT suku Sakai kawasan Kabupaten Bengkalis.

RUJUKAN

- Amla Mohd. Salleh. (1995). *Kaunseling dan sekolah*. Prosiding Seminar Kaunseling dalam Pendidikan. Sabah. Halaman 9-23.
- Gladding, S.T. (1999). *Group work: A counseling specialty*. New Jersey: Prentice Hall.
- George, R.L. & Cristiani, T.S. (1982). *Theory, method and processes of counseling and psychotherapy*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall Inc.
- George, R.L. & Cristiani, T.S. (1990). *Common and factors in client descriptions of and explanations for change*. *Journal of Integrative and Eclectic Psychoteraphy* (7): 427-440.
- Juntika Nurihsan dan A. Sudioanto. (2005). *Manajemen bimbingan dan konseling di SMA*. (Kurikulum 2004). Jakarta: PT. Grasindo.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim. (1992a). *Orientasi perkhidmatan kaunseling*. Kuala Lumpur: Percetakan Naz Sd. Bhd.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim. (1992b). *Pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, et al. (1992c). *Pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim & Halimatun Halaliah Mokhtar. (1997). *Kaunseling individu: Apa dan Bagaimana*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Oemar Hamalik. (1992). *Psikologi belajar dan mengajar*. Bandung. Sinar Baru
- Rohany Nasir. (2008). *Kaunseling kerjaya: Ajakan daripada konvensionalisme*. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Sarlito Wirawan Sarwono. (1986). *Berkenalan dengan aliran dan tokoh-tokoh psikologi*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Sarlito Wirawan Sarwono. (1986). *Pengantar umum psikologi*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Sarlito Wirawan Sarwono. (2005). *Psikologi remaja*. Jakarta: PT. RajaGrafindo Persada.
- Stenberg, L & J. Belsky. (1991). *Infacy, childhood, & adolescence: Development in context*. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Steinberg, L. (1993). *Adolescence*. New York: McGrew-Hill, Inc.
- UU Hamidy. 1990. *Masyarakat dan kebudayaan di daerah Riau*. Pekanbaru: Zamrad.
- UU Hamidy. (1992a). *Masyarakat terasing daerah Riau di gerbang abad XXI*. Pekanbaru: Zamrad.
- UU Hamidy. (1992b). *Pengislaman masyarakat Sakai oleh Tarekat Naksabandiyah Babussalam*. Pekanbaru: Zamrad.
- UU Hamidy. (1996). *Orang Melayu di Riau*. Pekanbaru: Universitas Islam Riau.
- Yin, R.K. (1993). *Application of case study research*. Newburry Park: Sage Publication.
- Yin, R.K. (1994). *Case study research: Design and methods*. Second Edition. Oaks: Sage Publication.

- Yusmar Yusuf. (1991). *Psikologi antar budaya*. Bandung: Remaja Rosda Karya.
- Zuraidah Abd. Rahman. (1999). *Kaunseling kelompok*. Selongor: IBS Buku Sdn Bhd.
- Zuria Mahmud & Ahmad Jazimi Jusoh. (2008). Kualiti perkhidmatan kaunseling di sekolah menengah. Dalam Jurnal PERKAMA. Jilid/Volume 14. Jun 2008. 129.



Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor
Phone: (603) 8921 6238 Fax: (603) 8925 4372
E-mail: tdfpend@pkrisc.cc.ukm.my